



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	21/06/2012

Peraduan esei cabar orang muda

PUTRAJAYA 20 Jun - Peraduan mengarang esei Yayasan Kepimpinan Perdana dan Yayasan Maybank 2012 mencabar generasi muda negara ini untuk berfikir sebagai rakyat yang bertanggungjawab kepada negara.

Pengarah Eksekutif Yayasan Kepimpinan Perdana, Tan Sri Nik Mohamed Nik Yaacob berkata, pertandingan esei yang terbuka kepada golongan berusia 13 hingga 25 tahun itu juga bertujuan membentuk orang muda menjadi rakyat berpengetahuan sejarah dan hak masing-masing kepada negara.

Pertandingan itu juga, katanya, dilihat dapat memperlihatkan pandangan golongan muda tentang bagaimana Malaysia dapat kekal menjadi sebuah negara yang aman dan maju pada masa depan.

"Kategori blogspot ditambah dalam pertandingan kali ini, di mana peserta diminta menulis pandangan mereka di dalam blog.

"Peserta boleh memilib untuk menulis dalam babasa Melayu atau bahasa Inggeris, tetapi kita menggalakkan pelajar menulis dalam bahasa Inggeris kerana ia merupakan babasa global untuk perniagaan dan komunikasi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran Peraduan Mengarang Esei 2012, Memupuk Minda Bakal Pemimpin di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini bari ini.

Majlis pelancaran peraduan itu disempurnakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.